

**PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN SBHG.
KOMPARTMEN 10/11 HUTAN SIMPAN BUKIT LAGONG**

Semasa Pengusahaan (Pengkuarian)

PELESEN : RAJANG BUDIMAN SDN BHD
KONTRAKTOR : HANSON QUARRY SDN BHD
NO. LESEN : ST/HS/3/2018/KUARI
TEMPOH KUATKUASA : 1.7.2024 -31.12.2024

Penilaian dilaksanakan dengan menjalankan soalselidik terhadap penduduk kampung Orang Asfi Sungai Buloh yang berada lebih kurang 5 kilometer radius daripada kawasan pengusahaan yang sedang dijalankan. Dalam soalselidik tersebut, seramai empat (5) orang responden sahaja yang memberi maklumbalas dan kerjasama seperti berikut:

BIL	NAMA RESPONDEN
1.	JURIAH BT KENDONG
2.	MUSA A/L PUNYAH
3.	TANGWAN A/L PEDIK
4.	NURLIZA AMLI
5.	SURIYA BT GANYU

**BERDASARKAN RESPONDEN YANG DISOALSELIDIK,
RINGKASANANALISA MENGIKUT ASPEK ADALAH SEPerti
BERIKUT:**

ASPEK	BILANGAN RESPONDEN MENGIKUT PERATUSAN (%)	
	YA	TIDAK
ALAM SEKITAR	25	75
SOSIAL	40	60
EKONOMI	20	80
KESIHATAN	33.33	66.67
FLORA FAUNA	53.33	46.67
JUMLAH	32.63	67.37

ULASAN DAN SYOR:

Berdasarkan soal selidik dalam aspek Alam Sekitar 75% responden menyatakan aktiviti yang dijalankan tidak memberi kesan kepada alam sekitar. Walaubagaimanapun, isu banjir lumpur, hakisan tanah, tanah runtuh merupakan dapatan soalselidik yang telah memberi kesan kepada penduduk. Isu ini diambil tindakan dengan pemantauan berkala oleh agensi

berkaitan mengikut garis panduan yang ditetapkan sebagai langkah mitigasi.

Dalam Aspek Sosial, 40% daripada responden menyatakan operasi pengkuarian telah mengganggu aktiviti sosial. Walaubagaimanapun, ianya tidak melibatkan pergaduhan atau konflik dalam komuniti.

Dalam Sektor Ekonomi, 20% daripada responden menyatakan aktiviti pengkuarian ini tidak menjejaskan sumber ekonomi. Manakala 80% daripada responden menyatakan aktiviti ini tidak menjejaskan pendapatan.

Berkaitan aspek kesihatan, 33.33 % daripada responden menunjukkan pencemaran air adalah kesan yang terus berlaku selepas hujan. Keadaan ini bersifat sementara dan tindakan pemantauan diteruskan bagi memastikan Environment Management Plan (EMP) dipatuhi.

Dalam aspek flora dan fauna, 32.63 % daripada responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan kepada kebun tanaman masyarakat oleh haiwan liar yang mengalami kekurangan kawasan habitat. Pembukaan kawasan kuari secara berfasa dan aktiviti pemulihan semula kawasan bekas kuari (Rehabilitation) dapat membantu masalah pengurangan kawasan habitat ini.

Secara keseluruhannya aktiviti pengkuarian telah memberi kesan negatif kepada masyarakat yang berhampiran. Walau bagaimanapun, pelbagai syarat dan peraturan berkaitan alam sekitar telah ditetapkan untuk dipatuhi disamping pemantauan berkala oleh agensi berkaitan agar kesan negatif aktiviti pengkuarian dapat dikurangkan atau dielakkan.

Disediakan Oleh,


(MOHD HADRE BIN MOHAMAD)
Pegawai Hutan Daerah
Selangor Tengah